

13. Kerja memperdalamkan sungai itu sedang giat dijalankan dan dijangka akan siap pada bulan hadapan.

A mendalami sungai itu akan giat
B memdalamkan sungai itu akan giat
C memperdalam sungai itu sedang giat
D memperdalamkan sungai itu sedang giat

Soalan 14

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

14. Perkembangan sektor perkilangan telah meningkatkan pendapatan negara dan taraf hidup penduduk.

A Sektor perkilangan, pendapatan negara, dan taraf hidup penduduk terus berkembang dan meningkat.
B Sektor perkilangan yang semakin maju turut meningkatkan pendapatan negara dan taraf hidup penduduk.
C Peningkatan taraf hidup penduduk turut meningkatkan sektor perkilangan dan menambahkan pendapatan negara.
D Taraf hidup penduduk yang semakin meningkat dapat menambahkan pendapatan negara dan mengembangkan sektor perkilangan.

Soalan 15

Pilih ayat-ayat yang betul.

15. I Faiz dan Hirmi saling berlumba-lumba untuk memperoleh markah yang tertinggi dalam peperiksaan.
II Kedua-dua sahabat itu bersalaman sewaktu terserempak di pasar.
III Kerajaan akan terus meningkatkan bantuan kepada para petani di negara ini.
IV Hujan lebat selama dua jam setengah menyebabkan jalan-jalan di kampung itu ditenggelami air.
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan dialog di bawah ini.

16. Kawasan kampung itu kurang maju kerana penduduknya lebih suka mementingkan diri. Keadaan ini dikatakan
A bagai murat dicabut ekor.
B kata-kata lebih tajam daripada mata pedang.
C banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam.
D seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.